

Anwar akan ketuai rombongan serah nota bantahan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Encik Anwar Ibrahim akan mengetuai rombongan Pemuda Barisan Nasional menemui Duta Russia di sini, Encik S.T. Koulik pagi esok untuk menyerahkan nota bantahan mengenai ugutan negara itu yang cuba mengancam keselamatan dan kedaulatan rantau ini.

Rombongan yang akan tiba selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari itu akan disertai oleh Ketua Pemuda MCA, Datuk Lee Kim Sai, Ketua Pemuda MIC, Encik V. Muthupalaniappan, wakil Pemuda Berjasa, Haji Yahya Lampong dan beberapa pemimpin Pemuda Umno.

Nota itu antara lain menyebut: "Kami Barisan Pemuda Malaysia dengan tegas dan lantang mengingatkan Russia dan konco-koncunya iaitu komunis di negara ini bahawa Pemuda Malaysia tidak gentar dan akan mengorbankan jiwa raga untuk mempertahankan bumi Malaysia dari apa juga bentuk pencerobohan.

"Kami juga bersumpah dan mengaku tidak akan membenarkan bumi Malaysia dijajah komunis walau seinci pun".

Encik Anwar berkata, masa pertemuan itu akan diatur oleh Pemuda Malaysia bukan Duta Russia. "Kami

akan membuat pertemuan secara mengejut dan jika boleh tidak diketahui terlebih dahulu oleh duta itu", tambahnya.

Di sebelah petangnya, kata beliau, rombongan itu akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memberitahu beliau soal ugutan Russia yang cuba mengancam kestabilan politik rantau ini.

Encik Anwar akan memberitahu Perdana Menteri bahawa Barisan Pemuda rela berkorban hingga ke titisan darah terakhir untuk mempertahankan kedaulatan bumi Malaysia tercinta.